



**APPGM-SDG**  
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# 20 24



## RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

**P.144 LEDANG**

# Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

## **P.144 LEDANG**

---

**Penyunting Siri**

Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**

Dr Wan Suzita Wan Ibrahim



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN P.144 LEDANG (JOHOR)

**Kata Pengantar** - Nur Rahmah Othman..... I

**Pendahuluan** - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin ..... III

**BAHAGIAN A** ..... 1

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

**BAHAGIAN B** ..... 12

Laporan Pemetaan Isu

1.0 Pengenalan..... 13

2.0 Pemetaan Isu ..... 14

3.0 Pengutamaan Isu ..... 24

# KATA PENGANTAR

**Nur Rahmah Othman**

*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

| JILID                     | ZON/WILAYAH     | JUMLAH KAWASAN PARLIMEN | PENYELIDIK |
|---------------------------|-----------------|-------------------------|------------|
| Jilid 1                   | Zon Utara       | 9                       | 3          |
| Jilid 2                   | Zon Timur       | 4                       | 3          |
| Jilid 3                   | Zon Tengah      | 7                       | 5          |
| Jilid 4                   | Zon Selatan     | 4                       | 3          |
| Jilid 5                   | Wilayah Sabah   | 3                       | 1          |
| Jilid 6                   | Wilayah Sarawak | 3                       | 1          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                 | <b>30</b>               |            |

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

***Nurul Syaza Mazelan***

*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

***Siti Nur Ain Zakinuddin***

*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui.

Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT  
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG  
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.



**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

| <b>Bil.</b> | <b>Zon/Wilayah</b> | <b>Negeri</b> | <b>Daerah/Bahagian</b>    | <b>Parlimen</b> | <b>Kod</b> | <b>Nama Ahli Parlimen</b>                    | <b>Parti</b> | <b>Ketua Penyelidik APPGM-SDG</b> |
|-------------|--------------------|---------------|---------------------------|-----------------|------------|--|--------------|-----------------------------------|
| 1.          | Utara              | Perak         | Pengkalan Hulu            | Gerik           | P054       | YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob                | PN-BERSATU   | Dr Thanaraj Murudi                |
| 2.          | Utara              | Perak         | Kerian                    | Bagan Serai     | P058       | YB Datuk Idris Bin Ahmad                     | PN-PAS       | Dr Thanaraj Murudi                |
| 3.          | Utara              | Kedah         | Langkawi                  | Langkawi        | P004       | YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah | PN-BERSATU   | Siti Noraiysah Rohim              |
| 4.          | Utara              | Perak         | Perak Tengah              | Parit           | P069       | YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib           | PN -PAS      | Siti Noraiysah Rohim              |
| 5.          | Utara              | Pulau Pinang  | Seberang Perai Utara      | Tasek Gelugor   | P042       | YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan            | PN-BERSATU   | Siti Noraiysah Rohim              |
| 6.          | Utara              | Pulau Pinang  | Barat Daya dan Timur Laut | Bayan Baru      | P052       | YB Tuan Sim Tze Tzin                         | PH-PKR       | Siti Noraiysah Rohim              |
| 7.          | Utara              | Pulau Pinang  | Timur Laut                | Bukit Bendera   | P048       | YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid         | PH-DAP       | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim         |

|     |        |            |                    |                 |      |  |            |                            |
|-----|--------|------------|--------------------|-----------------|------|--|------------|----------------------------|
| 8.  | Utara  | Perak      | Perak Tengah       | Pasir Salak     | P073 | YB Tuan Jamaludin Bin Yahya            | PN-PAS     | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim  |
| 9.  | Utara  | Perlis     | Negeri Perlis      | Arau            | P003 | YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim  | PN-PAS     | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim  |
| 10. | Timur  | Pahang     | Maran dan Temerloh | Kuala Krau      | P087 | YB Tuan Kamal Bin Ashaari              | PN-PAS     | Dr Thanaraj Murudi         |
| 11. | Timur  | Pahang     | Pekan              | Pekan           | P085 | YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali | BN-UMNO    | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim  |
| 12. | Timur  | Terengganu | Hulu Terengganu    | Hulu Terengganu | P038 | YB Dato' Rosol Bin Wahid               | PN-BERSATU | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| 13. | Timur  | Kelantan   | Kota Bharu         | Ketereh         | P026 | YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor           | PN         | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| 14. | Tengah | Selangor   | Klang              | Kapar           | P109 | YB Dr. Hajah Halimah Ali               | PN-PAS     | Dr Thanaraj Murudi         |
| 15. | Tengah | Selangor   | Klang              | Klang           | P110 | YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman        | PH-DAP     | Dr Thanaraj Murudi         |
| 16. | Tengah | Selangor   | Kuala Selangor     | Tg Karang       | P095 | YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi     | PN         | Siti Noraiysah Rohim       |

|            |         |                 |                                  |                  |      |   |            |                            |
|------------|---------|-----------------|----------------------------------|------------------|------|---|------------|----------------------------|
| <b>17.</b> | Tengah  | Kuala Lumpur    | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Batu             | P115 | YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran         | PH-PKR     | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| <b>18.</b> | Tengah  | Selangor        | Sabak Bernam                     | Sungai Besar     | P093 | YB Datuk Muslimin Bin Yahaya                  | PN-BERSATU | Mohamed Daniel Mokhtar     |
| <b>19.</b> | Tengah  | Selangor        | Shah Alam                        | Shah Alam        | P108 | YB Tuan Haji Azli Bin Yusof                   | PH-AMANAHA | Nurul Syaza Mazelan        |
| <b>20.</b> | Tengah  | Kuala Lumpur    | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Bandar Tun Razak | P124 | YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail | PH-PKR     | Nurul Syaza Mazelan        |
| <b>21.</b> | Selatan | N. Sembilan     | Port Dickson                     | Port Dickson     | P132 | YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun             | PH-PKR     | Siti Noraiysah Rohim       |
| <b>22.</b> | Selatan | Negeri Sembilan | Kuala Pilah                      | Kuala Pilah      | P129 | YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan                 | BN-UMNO    | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim  |
| <b>23.</b> | Selatan | Johor           | Tangkak                          | Ledang           | P142 | YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh             | PH-PKR     | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim  |
| <b>24.</b> | Selatan | Johor           | Muar, Tangkak, Segamat           | Pagoh            | P143 | YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin  | PN-BERSATU | Nurul Syaza Mazelan        |

|            |         |         |  |              |      |   |         |                      |
|------------|---------|---------|--|--------------|------|---|---------|----------------------|
| <b>25.</b> | Sarawak | Sarawak | Bau dan Lundu  | Mas Gading   | P192 | YB Tuan Mordi Anak Bimol                | PH-DAP  | Raine Melissa Riman  |
| <b>26.</b> | Sarawak | Sarawak | Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian) | Mukah        | P213 | YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib       | GPS-PBB | Raine Melissa Riman  |
| <b>27.</b> | Sarawak | Sarawak | Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)                                | Sibuti       | P218 | YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni      | GPS-PBB | Raine Melissa Riman  |
| <b>28.</b> | Sabah   | Sabah   | Kota Marudu  | Kota Marudu  | P168 | YB Datuk Wetrom Bin Bahanda             | KDM     | Nurrul Fazlina Osman |
| <b>29.</b> | Sabah   | Sabah   | Sipitang   | Sipitang     | P178 | YB Datuk Matbali Bin Musah              | GRS     | Nurrul Fazlina Osman |
| <b>30.</b> | Sabah   | Sabah   | Kinabatangan dan Tongod  | Kinabatangan | P187 | YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin | BN-UMNO | Nurrul Fazlina Osman |

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

### PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

| <b>Status Individu</b>   |   | <b>Kaum Minoriti</b>  |
|--|---|---|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B40 / miskin tegar</li> <li>2. Penduduk M40</li> <li>3. Orang kurang upaya (OKU)</li> <li>4. Ibu / Bapa tunggal</li> <li>5. Wanita</li> <li>6. Warga emas</li> <li>7. Belia</li> <li>8. Kanak-kanak</li> <li>9. Warga asing / Pelarian</li> <li>10. Tiada warganegara</li> <li>11. Ketua Isi Rumah</li> </ol> |   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komuniti Cina</li> <li>2. Komuniti India</li> <li>3. Komuniti Siam</li> <li>4. Orang Asli/Asal</li> <li>5. Komuniti Bugis</li> <li>6. Komuniti Iban</li> <li>7. Komuniti Kedayan</li> </ol> |
| <b>Jenis Pekerjaan</b>   |   | <b>Pendidikan</b>   |
| <b>Pertanian</b>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petani</li> <li>2. Peladang / Peneroka</li> <li>3. Penoreh</li> <li>4. Penternak</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. PIBG Sekolah</li> <li>2. Pelajar sekolah</li> <li>3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)</li> <li>4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</li> </ol>                 |
| <b>Perikanan</b>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nelayan laut</li> <li>2. Nelayan darat</li> </ol>   |   |
| <b>Perdagangan</b>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniaga</li> <li>2. Penjaja</li> <li>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</li> <li>4. Pengusaha Homestay</li> </ol>                                |   |
| <b>Perindustrian</b>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemilik kilang</li> </ol>   |   |
| <b>Perkhidmatan</b>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petugas/Penyelia PPDK</li> <li>2. Veteran ATM dan Polis</li> <li>3. Penghulu-Penghulu Mukim</li> <li>4. Pemimpin Tempatan</li> <li>5. Malim gunung</li> </ol> | <b>Organisasi / Persatuan</b>   |
|  |   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Badan bukan kerajaan (NGO)</li> <li>2. Persatuan Sukarelawan</li> <li>3. Persatuan Penduduk</li> <li>4. Koperasi Komuniti</li> </ol>  |

## PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

| ZON / WILAYAH | ISU UTAMA   |
|---------------|---|
| Zon Utara     | <ul style="list-style-type: none"><li>• Gejala sosial</li><li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li><li>• Kos sara hidup yang tinggi</li><li>• Keciciran Pendidikan</li><li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li><li>• Masalah banjir</li><li>• Pencemaran air dan udara</li></ul> |
| Zon Timur     | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li><li>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian</li><li>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani</li></ul>  |

|                 |  |
|-----------------|--|
|                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Penghijrahan ke bandar</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> </ul>  |
| Zon Tengah      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah</li> <li>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah</li> <li>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia</li> </ul>  |
| Zon Selatan     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Konflik hidupan liar dan manusia</li> <li>• Keciciran pendidikan</li> <li>• Kenaikan kos sara hidup</li> <li>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> </ul>  |
| Wilayah Sabah   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan</li> <li>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien</li> </ul>  |
| Wilayah Sarawak | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir</li> <li>• Penyeludupan barang di sempadan</li> <li>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Konflik pemilikan tanah</li> <li>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa</li> <li>• Konflik manusia – hidupan liar</li> </ul> |



# **BAHAGIAN A**

---

**LAPORAN**

**LAWATAN PEMETAAN ISU**

P.144 Ledang (Johor)

27 Jun - 29 Jun 2024 (Sabtu - Isnin)

## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

### HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Penduduk Kampung Paya Kepong
2. Sesi Dialog bersama Komuniti Belia Penternakan
3. Sesi Dialog bersama Pelajar TVET
4. Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli

### HARI 2

5. Sesi Dialog bersama Golongan Ibu Tunggal
6. Sesi Dialog bersama Penghulu
7. Sesi Dialog bersama Persatuan Penjaja
8. Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 1 bersama Persatuan Nelayan
9. Sesi Dialog bersama Penduduk Setempat (Alam Sekitar)

### HARI 3

10. Sesi Dialog bersama Pekebun Kecil Cina
11. Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 2 bersama Petani Sawah Ring
12. Lawatan Tapak 3 - Taman Negara Gunung Ledang

## PASUKAN PENYELIDIK



**Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim**  
(Ketua Penyelidik)



**Nurul Syahirah**



**Karuppiah**



**Dr. Zainal**

Dengan sokongan  
daripada Ahli Parlimen  
Ledang,  
YB Tuan Syed Ibrahim  
Bin Syed Noh



## Lawatan tapak telah dijalankan pada 27-29 Julai 2024 (Sabtu - Isnin)



2 Julai 2024  
Mesyuarat Awalan



10 Julai 2024  
Mesyuarat Pemprofilan



15 Julai 2024  
Mesyuarat Pra-Lawatan



27 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Pelajar TVET



27 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Komuniti Belia  
Penternakan



27 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Penduduk  
Kampung Paya Kepong



27 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli



28 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Golongan Ibu  
Tunggal



28 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Penghulu



28 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Penduduk Setempat  
(Alam Sekitar)



28 Julai 2024  
Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 1  
bersama Persatuan Nelayan



28 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Persatuan Penjaja



29 Julai 2024  
Sesi Dialog bersama Pekebun Kecil Cina



29 Julai 2024  
Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 2  
bersama Petani Sawah Ring



29 Julai 2024  
Lawatan Tapak 3 - Taman negara  
Gunung Ledang





## 2 Julai 2024 - Mesyuarat Awalan

Dr Wan Suzita mengadakan perjumpaan bersama YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Ahli Parlimen Ledang di Parlimen untuk membincangkan tentang pengenalan APPGM-SDG, gerak kerja lapangan, dan isu-isu semasa serta pembangunan setempat di Parlimen Ledang. Hasil perbincangan tersebut, YB Syed Ibrahim tidak mempunyai halangan dan memberi peluang kepada pihak APPGM-SDG untuk menjalankan kerja lapangan di Parlimen Ledang. Oleh itu, perjumpaan bersama tuan DO, KADO & ADO masyarakat, pejabat Daerah Tangkak akan diadakan pada 15hb Julai, manakala lawatan tapak akan dilaksanakan pada 27-29 Julai 2024.



## 10 Julai 2024 - Mesyuarat Pemprofilan

Daniel Mokhtar dan Nurul Syaza telah berjumpa dengan Pegawai Khas Ahli Parlimen Ledang untuk tujuan profil kawasan dan perbincangan draf tentatif lawatan tapak.



### 15 Julai 2024 - Mesyuarat Pra-Lawatan

Daniel Mokhtar, Dr Wan Suzita dan Lydia Ann telah mengadakan mesyuarat bersama KADO Pejabat Daerah Tangkak, Tuan Najib. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk memberi penerangan tentang gerak kerja APPGM-SDG dalam kerja lapangan pemetaan isu bagi Kawasan Parlimen Ledang. Turut hadir adalah Pegawai Khas Ahli Parlimen Ledang, Ustaz Safwan, Penolong Pegawai YB Ledang, Puan Laila, serta Penghulu-Penghulu Mukim Daerah Tangkak. Hasil mesyuarat ini termasuk penambahan Perbincangan Kumpulan Fokus yang bakal dijalankan pada 27-29 Julai 2024 dan perkongsian tentatif bagi kerja lapangan tersebut.





### 1: Sesi Dialog bersama Penduduk Kampung Paya Kepong

Sesi FGD 1 ini melibatkan Penduduk Kampung Paya Kepong di Balai Raya Parit Dahlan. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Isu pendapatan petani kelapa sawit yang terjejas disebabkan oleh banjir termenung yang berlaku selama 3-4 bulan **(2)** Isu pam air banjir sementara yang kerap rosak serta ketiadaan rumah pam kekal untuk menyedut air banjir yang semakin teruk akibat pembangunan yg semakin meningkat, **(3)** Ancaman haiwan liar seperti ular, monyet dan anjing liar **(4)** Tiada pusat pemindahan banjir.



### 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Belia Penternakan

Sesi FGD 2 ini melibatkan Komuniti Belia Penternakan di Balairaya Kg. Seri Makmor. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Isu kesukaran memohon bantuan peralatan penternakan kerana maklumat tidak sampai kepada penduduk kampung, **(2)** Pendapatan penternak terjejas akibat banjir dan air termenung yang berlaku selama berbulan-bulan, **(3)** Isu banjir yang semakin teruk akibat pembangunan dan laluar air yang kecil dan terhad, **(4)** Isu ancaman binatang liar seperti monyet dan babi hutan.





### 3: Sesi Dialog bersama Pelajar TVET

Sesi FGD 3 ini melibatkan Pelajar TVET di Community Learning Center Taman Tangkak Jaya. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Isu fasiliti pembelajaran yang sangat terhad seperti bilangan laptop, **(2)** Pelajar sukar untuk hadir ke pusat pembelajaran komuniti kerana tiada kenderaan, **(3)** Kesukaran peserta memanfaatkan media sosial untuk mempromosikan bisnes kerana ketiadaan telefon bimbit.



### 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli

Sesi FGD 4 ini melibatkan Penduduk Kampung Orang Asli Tanah Gembuh di Dewan Orang Ramai Kampung Orang Asli Tanah Gembuh. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Saluran air kecil dan sangat lemah untuk disalurkan ke sebahagian kawasan kampung, **(2)** Ketiadaan tangki air untuk menadah air terutama ketika musim panas, **(3)** Masalah capaian telekomunikasi yang sangat lemah dan terhad walaupun pencawang komunikasi telah dibina, **(4)** Isu kekurangan kemudahan infra seperti jalan raya yang sempit dan masih menggunakan laluan tanah merah, **(5)** Isu kekurangan guru tadika untuk mengajar anak-anak orang asli





### 5: Sesi Dialog bersama Golongan Ibu Tunggal

Sesi FGD 5 ini melibatkan ibu tunggal yang terlibat dengan Amanah Ikhtiar Malaysia dan tidak terlibat dengan pinjaman di Dun Serom, Daerah Tangkak. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Ketiadaan bangunan khusus untuk persatuan ibu tunggal beraktiviti serta menyimpan kemudahan peralatan dan barangan, **(2)** Ketidakterseragaman maklumat syarat permohonan bantuan sehingga menimbulkan kekeliruan di antara masyarakat, **(3)** Kesukaran bekerjasama dengan ketua kampung untuk membuat permohonan bantuan yang sesuai untuk ibu tunggal, **(4)** Kos sara hidup yang semakin tinggi.



### 6: Sesi Dialog bersama Penghulu

Sesi FGD 6 ini melibatkan Penghulu di Bilik Mesyuarat Komuniti Kesang Tasik. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Isu banjir yang berlaku setiap tahun sekurang-kurangnya sekali selama seminggu, **(2)** Isu pembuangan sampah haram di tepi-tepi jalan kerana ketiadaan tempat pembuangan sampah yang sistematik, **(3)** Kesukaran memohon bantuan baik pulih rumah kerana status tanah yang rumit.





### 7: Sesi Dialog bersama Persatuan Penjaja

Sesi FGD 7 ini melibatkan Golongan Penjaja di Gerai Buah-buahan. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Kerisauan peniaga buah untuk berniaga di tanah kerajaan yang boleh diambil pada bila-bila masa, **(2)** Kesukaran untuk meluluskan permohonan lesen penjaja yang memakab masa berbulan-bulan, **(3)** Isu kawalan harga dan persaingan dengan peniaga buah di luar Tangkak seperti Muar dan Kuala Lumpur yang dapat menjual dengan harga yang lebih murah berbanding peniaga buah tempatan, **(4)** Isu harga bahan mentah yang semakin meningkat.



### 8: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 1 bersama Persatuan Nelayan Daerah Tangkak

Sesi FGD 8 ini melibatkan Golongan Nelayan di Gerai Buah-buahan dan lawatan ke Jeti Nelayan Parit Karang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Isu pendapatan hasil laut yang tidak menentu disebabkan perubahan iklim serta ancaman bencana alam seperti banjir, **(2)** Cabaran modal untuk memulakan perniagaan di bawah persatuan untuk membantu menjana pendapatan ahli selain pendapatan sebagai nelayan, **(3)** Isu penahan banjir yang tidak dirancang dengan baik sehingga perlu dibaiki hampir setiap bulan, **(4)** Banjir kesan dari Sg. Muar dan Kesang .





### 9: Sesi Dialog bersama Penduduk Setempat (Alam Sekitar)

Sesi FGD 9 ini melibatkan Penduduk Setempat di Gerai Buah-buahan. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Isu pembuangan sampah tanpa kawalan di beberapa kawasan kampung, **(2)** Isu anjing liar yang mengganggu keselamatan penduduk tempatan, **(3)** Kehadiran babi hutan dalam kawasan perumahan dan perkampungan yang mengganggu keamanan kerana mengancam keselamatan pelajar untuk ke sekolah.



### 10: Sesi Dialog bersama Pekebun Kecil Cina

Sesi FGD 10 ini melibatkan Pekebun Kecil Cina di kg Senggang batu 18. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Masalah air, **(2)** Pembinaan pam sementara di tebing sungai tanpa kebenaran pihak JPS, **(3)** Perubahan cuaca yang tidak menentu, **(4)** Pasaran - terutama petani yang masih baru dan kebun kecil, **(5)** Persaingan jualan dari warga asing jauh lebih murah, **(6)** Permit pekerja asing, **(7)** Kos pertanian tinggi (baja & racun), **(8)** Tiada kawalan harga sayur - pihak jabatan pertanian.





### 11: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 2 bersama Petani Sawah Ring

Sesi FGD 11 ini melibatkan Petani Sawah di di kampung Sawah Ring, Bukit Gambir. Antara isu yang telah diketengahkan adalah **(1)** Punca air yang semakin berkurangan ekoran kawasan tadahan air telah dijadikan kawasan pembangunan, **(2)** Modal yang semakin tinggi kerana harga baja dan racun yang mahal, **(3)** Kawasan sawah Ring yang tidak digazet sebagai kawasan jelapang **(4)** Kekurangan tenaga muda, **(5)** Benih padi yang tidak berkualiti, **(6)** Serangan perosak dan penyakit padi.



### 12: Lawatan Tapak 3 - Taman Negara Gunung Ledang

Lawatan ke Taman negara Gunung Ledang dan telah diwakili oleh pengurus En Yassin dan En Arif Alif. Terdapat beberapa perkongsian isu antaranya adalah **(1)** Konflik zon sempadan taman negara dan pengusaha ladang kelapa sawit, **(2)** Tiada penggerak yang boleh link - satu pakej, **(3)** Promosi, **(4)** Pelanggaran SOP pelawat harian yang mencerobohi kawasan pendakian, **(5)** Ketidakpatuhan SOP - sumber biodiversiti hutan yang cuba dibawa keluar.

# **BAHAGIAN B**

---

## **LAPORAN PEMETAAN ISU**

P.144 Ledang (Johor)

## 1.0 PENGENALAN

| <p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Ledang ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh dari parti Pakatan Harapan (PH).</i></p> |  |  <p>YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh</p> |               |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
|--|--|--|---------------|------|------|------|---|----|------------|--------|------|----|------|--------|------|----|-------|-------|-----|----|-----------|-----|-----|---|-------------------|-------|-----|---------------------------|--|----------------|---------------|
| <b>Parlimen</b>  | P.144  |  |               |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| <b>Kawasan</b>   | Ledang   |  |               |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| <b>Negeri</b>  | Johor  |  |               |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| <b>Jumlah Penduduk</b>   | <p>141,228 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>92,725</td> <td>65.6</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>39,706</td> <td>27.1</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>8,110</td> <td>0.8</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>687</td> <td>0.4</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Bukan Warganegara</td> <td>6,351</td> <td>4.4</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>JUMLAH KESELURUHAN</b></td> <td><b>141,228</b></td> <td><b>100.00</b></td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Ledang, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022</i></p> |  |               | BIL. | KAUM | BIL. | % | 1. | Bumiputera | 92,725 | 65.6 | 2. | Cina | 39,706 | 27.1 | 3. | India | 8,110 | 0.8 | 4. | Lain_lain | 687 | 0.4 | 5 | Bukan Warganegara | 6,351 | 4.4 | <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  | <b>141,228</b> | <b>100.00</b> |
| BIL.   | KAUM   | BIL.   | %             |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| 1.   | Bumiputera   | 92,725   | 65.6          |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| 2.   | Cina   | 39,706   | 27.1          |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| 3.   | India  | 8,110  | 0.8           |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| 4.   | Lain_lain  | 687  | 0.4           |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| 5  | Bukan Warganegara  | 6,351  | 4.4           |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>  |  | <b>141,228</b>   | <b>100.00</b> |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| <b>Kegiatan Ekonomi Utama</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertanian dan penternakan - padi, getah, penternakan lembu, ayam, akuakultur, kelapa sawit, tanaman kontan (sayuran hijau, kontan &amp; buah)</li> <li>• Perniagaan -peruncitan, premis, gerai</li> <li>• Perindustrian- Industri kecil sederhana</li> <li>• Pelancongan- Taman Negara Gunung Ledang, rekreasi</li> <li>• Perikanan-Nelayan- Jeti Kesang, Tanjung Agas, Ledang, Teluk Kemang dan Parit Karang</li> </ul>  |  |               |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |
| <b>Pasukan Kajian</b>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim: Ketua Penyelidik</li> <li>2. Nurul Syahirah Abd Aziz: Pegawai Projek Solusi</li> <li>3. Karuppiah A/L Palaniandy: Pegawai Pembangunan Kapasiti</li> <li>4. Prof. Dr. Zainal Abidin: Pensyarah Jemputan</li> </ol>  |  |               |      |      |      |   |    |            |        |      |    |      |        |      |    |       |       |     |    |           |     |     |   |                   |       |     |                           |  |                |               |

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 12 FGD dan 4 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Ledang dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Tanah Dan Daerah, Tangkak, Johor

| TARIKH                    | PERKARA   |
|---------------------------|---|
| 27 Julai 2024 (Sabtu)     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Banjir Kg. Pengkalan Besar,</b></li> <li>• Lawatan ke <b>Kg Pangkalan Besar</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Belia &amp; Penternakan di Kg Seri Makmur</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti TVET di Tangkak</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Orang Asli Tanah Gembur</b></li> </ul>  |
| 28 Julai 2024 (Ahad)      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Ibu Tunggal di Dun Serom</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Wakil Penghulu di Dewan Kesang</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Penjaja, Serom</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Nelayan Laut, Tangkak</b></li> <li>• Lawatan <b>ke Pengkalan Jeti Parit Karang</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Alam Sekitar, Dun Serom</b></li> </ul> |
| 29 Julai 2024 (Isnin)     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Pekebun Kecil, Bukit Gambir</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Pesawah di Sawag Ring, Gambir</b></li> <li>• Lawatan ke <b>Sawah Ring, Gambir</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Wakil Taman Negara, Gunung Ledang</b></li> <li>• Lawatan ke <b>Taman Negara Gunung Ledang</b></li> </ul>   |
| 23 September 2024 (Isnin) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialog Bersama <b>Agensi Kerajaan di Pejabat Tanah &amp; Daerah Tangkak</b></li> </ul>   |

## PENEMUAN KAJIAN

| ISU UTAMA                        | KUMPULAN SASARAN   | PENERANGAN ISU   | ULASAN AGENSI KERAJAAN   |
|----------------------------------|--|--|--|
| <b>ISU SOSIAL</b>                |  |  |  |
| Kesukaran capaian telekomunikasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Paya Kepong,</li> <li>• KOA Tanah Gembur</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Capaian talian komunikasi sangat lemah dan kadang-kala tiada internet. Boleh menimbulkan kesukaran kepada penduduk mangsa banjir semasa ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan komuniti orang asli.</li> </ul>   | <p><b>Pejabat Tanah dan Daerah, Tangkak:</b></p> <p>Makluman berhubung perkara tersebut, pihak Pejabat Tanah dan Daerah mengambil maklum isu tersebut dan wakil penghulu mukim perlu mengadakan perbincangan bersama pihak Syarikat Telekomunikasi dan Pencawang Jalur lebar, cawangan Tangkak untuk mengatasi masalah tersebut.</p> |
| Fasiliti balairaya yang uzur     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Parit Dahlan</li> <li>• Mangsa banjir</li> </ul>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bangunan mula dibina tahun 2013 dan sejak itu tidak pernah dibaik pulih.</li> <li>• Keadaan balairaya tidak selesa. Fasiliti seperti dapur dan tandas sangat teruk dan hampir tidak boleh digunakan. Lampu rosak dan telah dibaiki atas inisiatif sendiri. Penuh dengan tahi kelawar dan perlu kerap dibersihkan.</li> <li>• Penggunaan balairaya adalah sebanyak 2 kali seminggu bagi perjumpaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan kelas KEMAS.</li> </ul> | <p><b>Pejabat Tanah dan Daerah, Tangkak:</b></p> <p>Pihak PPD memaklumkan akan mengambil maklum berhubung perkara tersebut. Kebiasanya balairaya adalah di bawah selenggara pejabat daerah dan pihak kami akan memohon peruntukan kepada kerajaan negeri. Namun kelulusan adalah mengikut keutamaan dan keperluan kawasan.</p>       |

| ISU UTAMA   | KUMPULAN SASARAN   | PENERANGAN ISU  | ULASAN AGENSI KERAJAAN  |
|---|--|---|---|
| Kesukaran pemilikan tanah pusaka                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk DUN Serom</li> </ul>               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan rumah di kawasan Dun serom – tanah orang (menumpang) tanah kerajaan dan pusaka</li> <li>• Pejabat tanah &amp; Daerah Tangkak terikat dengan -peraturan akta kanun tanah negara</li> <li>• Oleh itu, sebarang bantuan adalah agak terhad</li> <li>• Begitu juga tanah pusaka, prosedur yang terlalu ketat menyukarkan individu terlibat untuk memohon bantuan</li> <li>• Kelonggaran syarat amat diperlukan</li> </ul> | <p><b>Pejabat Tanah dan Daerah Tangkak:</b></p> <p>Makluman dari pihak Pejabat Tanah Tangkak, dimana mereka bekerjasama dengan pejabat YB Dun Serom, kita telah mengadakan Karnival Tanah Tangkak berhubung dengan isu tanah wakaf dan tanah pusaka. Bagi tanah pusaka amat sukar untuk meneruskan permohonan kerana memerlukan persetujuan semua pihak.</p>                |
| Isu pencerobohan pelawat harian atau individu di kawasan larangan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Taman Negara Johor Gunung Ledang</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat peraturan yang perlu dipatuhi ada malim gunung untuk guide pendaki dan perlu berdaftar sebagai pendaki. Bagi pengunjung harian hanya perlu daftar biasa dan tidak dibenarkan memasuki ke dalam kawasan zoning pendakian namun kadang-kala ada yang menceroboh ke dalam kawasan pendakian</li> <li>• Terdapat juga berlaku pencerobohan yang dilakukan oleh penduduk orang</li> </ul>                                    | <p><b>Taman Negara Gunung Ledang:</b></p> <p>Makluman berhubung dengan pencerobohan pelawat sebenarnya adalah masalah teknikal dan dalaman Dimana mereka perlu daftar dan kelulusan diberikan sebelum pendakian dibuat.</p> <p>Manakala, isu orang asli adalah kedudukan mereka yang berdekatan dan kawasan pertanian yang mereka jalankan, Justeru itu, untuk mengelak</p> |



| ISU UTAMA                        | KUMPULAN SASARAN   | PENERANGAN ISU   | ULASAN AGENSI KERAJAAN  |
|----------------------------------|--|--|---|
|                                  |  | asli yang menetap di sekitar Gunung Ledang seperti di Sungai Gembur  | gangguan yang berterusan kawasan ini telah dipagarkan untuk keselamatan bersama.  |
| <b>ISU EKONOMI</b>               |  |  |   |
| Kos penternakan yang meningkat   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia, Belia, Penternak Kg. Seri Makmur</li> <li>• Penternak, Kg Pengkalan Besar</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos harga dedak seperti soya sekarang harga RM65/50kg. Dulu harga lebih kurang RM40 sahaja</li> <li>• Banyak kedai telah tutup</li> <li>• Kesemua penternak di kawasan Sri Makmur adalah berdaftar dengan veterinar. Tetapi belum ada sebuah persatuan yang berdaftar secara rasmi dengan ROS.</li> <li>• Beberapa penternak/petani terpaksa tidak meneruskan aktiviti mereka kerana tidak mampu menampung kos yang mahal.</li> </ul> | <p><b>Jabatan Veterinar, Daerah, Tangkak:</b></p> <p>Dalam aspek ini, adalah melihat kepada keadaan semasa. Jika kos bahan mentah meningkat, sudah semestinya harga dedak akan meningkat dan penternak terpaksa menanggung kos tersebut. Selain itu, pihak KPDNK turut akan membuat pemantauan mengelak dari pihak syarikat mengaut sebarang keuntungan yang tidak munasabah.</p> |
| Kekurangan peralatan penternakan |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan peralatan penternakan lembu seperti chooper atau mesin penternak</li> <li>• Seramai 25 orang penternak yang berdaftar di bawah Jabatan Veterinar</li> <li>• Pernah memohon peralatan namun gagal</li> </ul>  | <p><b>Jabatan Veterinar, Daerah Tangkak:</b></p> <p>Pihak Jabatan Veterinar memaklumkan sistem pengurusan veterinar Johor. Oleh itu, sebarang makluman untuk hebahan bantuan keperluan atau kursus kita dah tunjuk kat dalam tu semua. Justeru</p>  |

| ISU UTAMA  | KUMPULAN SASARAN  | PENERANGAN ISU   | ULASAN AGENSI KERAJAAN   |
|--|---|--|--|
|  |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan mesin menyebabkan mereka tidak dapat menyediakan makanan yang berkualiti kepada ternakan</li> <li>• Mereka juga difahamkan sebarang bantuan dan maklumat baru berhubung penternakan tidak sampai dan tidak jelas.</li> </ul>   | itu, penternak boleh memohon melalui laman sesawang  |
| Bantuan/Geran kerajaan yang diwarwarkan tidak jelas. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghulu- (Tangkak, Serom &amp; Bukit Gambir)</li> </ul>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan hanya mengeluarkan bantuan geran di media sosial tanpa memaklumkan syarat-syarat permohonan secara terperinci sehingga menimbulkan salah faham kepada penduduk untuk memohon. (Contoh: Geran Madani).</li> <li>• Perkara ini juga menimbulkan konflik kepada peringkat kepimpinan kerana perlu menjelaskan kepada penduduk yang tidak berpuas hati apabila permohonan bantuan tidak diluluskan.</li> </ul> | <i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i>   |
| Tiada kawalan harga buah/sayur tempatan              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga Tangkak, Dun Serom dan Pekebun Sayur Ledang, Kg</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ada sesetengah pekebun yang letak harga buah yang tidak munasabah menyebabkan peniaga terpaksa bersaing dengan pemborong dari luar</li> </ul>   | <p><b>Jabatan KPDNK, Daerah Tangkak:</b></p> <p>Maklum balas menyatakan jika hari biasa pihak mereka tidak ditugaskan untuk mengawal sayur dan</p> |

| ISU UTAMA                               | KUMPULAN SASARAN  | PENERANGAN ISU   | ULASAN AGENSI KERAJAAN   |
|---|---|--|--|
|   | Sengkang, Dun Bukit Gambir  | seperti Johor Bharu dan Kuala Lumpur yang mengeksport buah tempatan ke Singapura   | buah. Namun, pihak KPDNK hanya akan beroperasi mengawal harga sayuran dan keperluan barang lain pada musim-musim tertentu sahaja seperti musim perayaan. Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan perayaan lain.  |
| Penjaja sukar mendapatkan lesen penjaja | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjaja Tangkak, Dun Serom</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjaja tidak boleh dapatkan lesen perniagaan kerana tiada pelan tempat untuk berniaga dan penjaja sentiasa berubah-ubah tempat berniaga.</li> <li>• Permohonan lesen penjaja sukar diluluskan. Mekan masa 7-8 bulan untuk proses walaupun telah buat bayaran dan masih belum ada jawapan serta tidak pasti sebab lesen masih tidak diluluskan</li> </ul> | <p><b>Pejabat Tanah dan Daerah, Pekan</b></p> <p>Makluman berhubung perkara tersebut, biasanya sebelum memberi permit atau lesen perniagaan, pihak Majlis mempunyai prosedur iaitu meneliti kawasan berniaga, apa aktiviti niaga dan keselamatan umum. Jika kawasan yang tidak sesuai dan mengancam keselamatan permit tidak akan dikeluarkan. Namun jika memenuhi syarat, permit akan diluluskan.</p> |
| Kesukaran untuk memohon lesen nelayan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan di Jeti Kesang, Tanjung Agas, Ledang, Teluk Kemang dan Parit Karang</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara sebab nelayan tidak berlesen adalah faktor kuota yang terhad.</li> <li>• Kerajaan juga telah menghadkan jumlah nelayan di kawasan seperti Muar untuk pembinaan sebuah pelabuhan minyak dan gas (sebuah projek yang dinamakan sebagai The Maharani Energy Gateway</li> </ul>  | <p><b>Jabatan Perikanan Daerah Tangkak:</b></p> <p>Maklum balas menyatakan, kali terakhir melaksanakan pemutihan lesen nelayan Pantai adalah pada tahun 2022 dengan 107 nelayan, kita melantik nelayan baru. Isunya bukan hasrat Jabatan perikanan tidak mahu meluluskan lesen dan menambah bilangan nelayan tetapi jika dilaksanakan ianya akan menghadapi kekangan kawasan</p>                       |

| ISU UTAMA                                       | KUMPULAN SASARAN   | PENERANGAN ISU   | ULASAN AGENSI KERAJAAN   |
|---|--|--|--|
|   |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jadi nelayan yang lazim memancing di sana sudah tidak lagi dapat memohon lesen nelayan</li> </ul>   | <p>tangkapan ikan atas faktor projek kerajaan Muar Energy Gateway.</p> <p>Justeru itu, alternatif nelayan adalah membenarkan lesen COC untuk membawa penumpang dan kargo dibawah Jabatan Laut.</p>   |
| Status Sawah Ring yang tidak jelas              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sawah Ring, Dun Bukit Gambir</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sawah padi berkeluasan 640 ekar dengan seramai 234 pesawah</li> <li>• Perkampungan sini merupakan perkampungan tradisional. Pejabat Daerah iktiraf sebagai wawasan pelancongan.</li> <li>• Pesawah berasa bimbang sama ada kawasan sawah di sini akan digazetkan sebagai kawasan sawah atau akan terus di telan dengan arus kemodenan seperti di Kesang Tasik.</li> </ul> | <p><b>Pejabat Tanah dan Daerah, Tangkak:</b></p> <p>Memaklumkan perkara tersebut, status Sawah Ring adalah di gazetkan Jelapang Padi, Justeru itu sebarang Pembangunan dalam bentuk fizikal atau pertukaran syarat tanah tidak dibenarkan, jika perkara ini berlaku dan melanggar syarat, pihak kerajaan berhak mengambil semula tanah di bawah Akta Kanun Tanah Negara, 1960.</p> |
| Status tanah rizah Orang Asli masih tidak jelas | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang Asli tanah Gembur</li> </ul>      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Status tanah rezab milik orang asli masih belum dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan</li> <li>• Kawasan rezab di bawah Hutan Simpan Negeri</li> <li>• Perkampungan belum mendapat pengiktirafan sebagai perkampungan</li> </ul>   | <p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan kerana pihak <b>Jabatan Orang Asli, Tangkak</b> tidak menghadiri sesi mesyuarat tersebut</i></p>  |

| ISU UTAMA                | KUMPULAN SASARAN  | PENERANGAN ISU  | ULASAN AGENSI KERAJAAN  |
|--------------------------|---|---|---|
|                          |   | Orang Asli  |   |
| <b>ISU ALAM SEKITAR</b>  |   |   |   |
| Banjir dan air termenung | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Kg Parit Dahlan (mangsa banjir), Dun Tangkak, Kg Seri Makmur</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Kampung Paya Kepong sering mengalami banjir yang menyebabkan berlakunya situasi air termenung selama 2-3 bulan sehingga menjejaskan tanah pertanian dan penternakan</li> <li>• Air termenung menjejaskan pendapatan penoreh getah dan peladang sawit</li> <li>• Keadaan banjir semakin memburuk sejak beberapa tahun lepas disebabkan oleh pembangunan semakin pesat seperti perumahan dan kawasan perindustrian seperti kilang kaca di Jasin, Melaka yang memberi kesan kepada kawasan di Tangkak</li> </ul> | <p><b>Jabatan JPS, Daerah Tangkak:</b></p> <p>Memaklumkan pihak JPS pihak jabatan ada menjalankan pembersihan sungai dan saluran selepas berlakunya banjir. Perlu dimaklumkan, sebenarnya banjir ini berpunca dari sungai melaka Asahan, Chin Chin, dan Lanchang yang akhirnya menyebabkan berlakunya limpahan sungai kesang dan kampun sekitar</p> |

| ISU UTAMA               | KUMPULAN SASARAN  | PENERANGAN ISU   | ULASAN AGENSI KERAJAAN   |
|-------------------------|---|--|--|
| Kegagalan mesin pam air |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung tiada rumah pam kekal yang boleh pam air secara automatik ke arah sungai Kesing bagi mengelakkan banjir teruk dan air termenung. Setakat ini kampung hanya mempunyai pam sementara yang kapasitinya rendah dan sering rosak.</li> <li>• Penduduk telah mengadu kepada JPS Daerah Tangkak berkaitan usul pembinaan rumah pam sejak 2 tahun lepas tetapi masih belum ada maklum balas.</li> </ul> | <p><b>Jabatan JPS, Pekan:</b></p> <p>Maklum balas pihak JPS, telah merancang untuk membina satu rumah pam yang baru dan telah usulkan perkara ini diperingkat atasan dari segi peruntukan dan kos yang sesuai. Ini kerana, pembinaan rumah pam berhampiran sungai Kesang yang dbina secara tetap akan mengambil kos yang amat tinggi dan perlu mengambil kira tapak serta melibatkan jabatan lain antaranya, Perancang, Pejabat Tanah dan Daerah Tangkak dan TNB.</p>                  |
| Ancaman binatang liar   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Kg Parit Dahlan (mangsa banjir), Dun Tangkak</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat banyak bintang berbisa memandangkan kawasan perkampungan berdekatan dengan sungai contohnya ular sawa</li> <li>• Selain itu, terdapat juga gangguan monyet dan anjing liar yang mengganggu keselamatan penduduk.</li> <li>• Pernah diadakan kepada pejabat daerah tetapi tiada tindakan dan penyelesaian yang terbaik</li> </ul>   | <p><b>Jabatan Perhilitan Daerah Tangkak:</b></p> <p>Untuk makluman berkaitan isu tersebut, bagi isu ular sawa perkara ini telah dirujuk kepada pihak JPAM untuk diuruskan. Manakala, monyet, pihak perhilitan telah memasang perangkap namun tidak mencukupi kerana monyet membiak dengan begitu cepat. Oleh itu, ada juga penduduk memohon senapang untuk menjaga keselamatan keluarga dari gangguan. Pihak perhilitan telah cuba menggunakan alternatif lain untuk mengatasinya.</p> |

| <b>ISU UTAMA</b> | <b>KUMPULAN SASARAN</b> | <b>PENERANGAN ISU</b> | <b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>  |
|------------------|-------------------------|-----------------------|--|
|                  |                         |                       | Bagi anjing liar, pihak Majlis biasanya akan memasang perangkap dan menangkap bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin. |

### 3.0 PENGUTAMAAN ISU

#### PENGUTAMAAN ISU 1:

#### CABARAN SOSIOEKONOMI PETANI DAN PENTERNAK KG. SERI MAKMUR

|  |   |
|--|---|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kekurangan modal</li> <li>2. Kenaikan kos sara hidup</li> <li>3. Kos pertanian dan penternakan yang semakin meningkat</li> <li>4. Isu banjir</li> <li>5. Kekurangan tenaga kerja -golongan muda</li> <li>6. Ancaman binatang liar</li> <li>7. Isu hakisan tebing dan pembuangan sampah</li> <li>8. Kekurangan peralatan penternakan</li> </ol>  |
| <b>Cadangan</b>                          | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membuka ruang dan pasaran kepada petani dan penternakan di kampung</li> <li>2. Meningkatkan kemahiran TVET dalam bidang pertanian untuk menarik tenaga muda</li> </ol>  |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani dan penternak</li> </ul>  |
| <b>Kawasan</b>                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Seri Makmur</li> <li>• Daerah Tangkak, Ledang</li> </ul>  |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>    |   |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>  |
| Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti.       | <p><b>Sasaran 4.7:</b> Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.</p> <p><b>Sasaran 4.4:</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal</p> |



|  |  |
|--|--|
|  | <p>dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.</p>  |
| <p>Matlamat 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi</p> | <p><b>Sasaran 8.1:</b> Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun.</p> <p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.</p> <p><b>Sasaran 8.6:</b> Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.</p> |
| <p>Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur</p>         | <p><b>Sasaran 9.1:</b> Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses saksama dan mampu milik untuk semua.</p> <p><b>Sasaran 9.4:</b> Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan menaik taraf industri untuk menjadikannya mampan, dengan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing.</p>  |
| <p>Matlamat 17: Perkongsian untuk maklumat</p>                 | <p><b>Sasaran 17.3:</b> Menggerakkan sumber kewangan tambahan bagi negara membangun daripada pelbagai sumber.</p> <p><b>Sasaran 17.16:</b> Meningkatkan Perkongsian Global untuk Pembangunan Mampan yang dilengkapi oleh perkongsian pelbagai pihak berkepentingan yang</p>  |

|  |  |
|--|--|
|  | menggerakkan dan berkongsi pengetahuan, kepakaran, teknologi dan sumber kewangan, untuk menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan di semua negara, khususnya negara membangun |
|--|--|

## PENGUTAMAAN ISU 2: KEPERLUAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN SOSIOEKONOMI ORANG ASLI TANAH GEMBUR

|  |   |
|--|---|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Masalah infrastruktur-air,jalan, lampu,</li> <li>2. Kekurangan peluang pekerjaan &amp; pendapatan terjejas</li> <li>3. Masalah status tanah</li> <li>4. Kekurangan talian komunikasi</li> <li>5. Kekurangan guru tadika</li> </ol>  |
| <b>Cadangan</b>                          | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan program kesedaran kepada penduduk mengenai kepentingan pendidikan</li> <li>2. Keperluan menyediakan kemudahan asas seperti air, eletrik dan jalan</li> <li>3. Memberi peluang pekerjaan kepada golongan orang asli</li> </ol>  |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang Asli</li> </ul>  |
| <b>Kawasan</b>                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Orang Asli Tanah Gembur</li> <li>• Dun Serom, Ledang</li> </ul>  |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>    |   |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>  |
| Matlamat 1: Tiada Kemiskinan             | <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p> <p><b>Sasaran 1.3:</b> Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan,</p> |

|   |  |
|---|--|
|   | serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030  |
| Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik.        | <b>Sasaran 3.5:</b> Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan  |
| Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti.                        | <p><b>Sasaran 4.7:</b> Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan</p> <p><b>Sasaran 4.4:</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan</p> |
| Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan.                     | <b>Sasaran 10.2:</b> Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain  |
| Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh. | <b>Sasaran 16.a</b> Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah  |
| Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.                 | <b>Sasaran 17.9:</b> Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama   |

|  |  |
|--|--|
|  | <b>Sasaran 17.15:</b> Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan |
|--|--|

### PENGUTAMAAN ISU 3: CABARAN SOSIOEKONOMI NELAYAN

|  |  |
|--|--|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sukar memohon lesen</li> <li>2. Banjir dan penahan ombak</li> <li>3. Kos nelayan meningkat</li> <li>4. Pendapatan semakin terjejas terutama selepas PKP</li> <li>5. Kos sara hidup tinggi</li> <li>6. Persaingan nelayan tempatan dan asing</li> </ol>   |
| <b>Cadangan</b>                          | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewujudkan program dan kemahiran untuk golongan belia</li> <li>2. Menyediakan keperluan ternakan nelayan laut</li> <li>3. Menyemak semula Akta Perikanan yang sedia ada</li> <li>4. Menambah jumlah pemohon kebenaran lesen</li> <li>5. Pembinaan Kelong untuk memancing di perairan laut</li> </ol> |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan laut</li> <li>• Penduduk tempatan</li> </ul>  |
| <b>Kawasan</b>                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan laut di Jeti Kesang, Tanjung Agas, Ledang, Teluk Kemang dan Parit Karang</li> <li>• Daerah Tangkak, Parlimen Ledang</li> </ul>  |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>    |  |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>   |
| Matlamat 1: Tiada Kemiskinan             | <b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional  |

|                                    |  |
|------------------------------------|--|
|                                    | <p><b>Sasaran 1.3:</b> Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p>   |
| Matlamat 2: Sifat Kebuluran        | <p><b>Sasaran 2.1:</b> Menjelang 2030, menamatkan kelaparan dan memastikan semua pihak mendapat akses kepada makanan selamat, berkhasiat dan mencukupi sepanjang tahun, khususnya golongan miskin dan mereka yang dalam situasi berisiko, termasuk bayi</p> <p><b>Sasaran 2.3:</b> Menjelang 2030, menggandakan keluaran pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, terutamanya wanita, peribumi, keluarga petani, ahli pastoral dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai dan pekerjaan bukan perladangan</p> <p><b>Sasaran 2.5:</b> Menjelang 2020, mengekalkan kepelbagaian genetik biji benih, tumbuhan tanaman, haiwan ternakan dan bela jinak serta spesies liar yang berkaitan, termasuk melalui bank biji benih dan tumbuhan yang pelbagai dan diuruskan dengan baik pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, serta menggalakkan akses dan perkongsian manfaat yang adil dan saksama hasil daripada penggunaan sumber genetik dan pengetahuan tradisional yang berkaitan, seperti yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa</p> <p><b>Sasaran 2.c:</b> Mengambil langkah untuk memastikan pasaran komoditi makanan dan terbitannya berfungsi dengan baik, dan membantu akses yang tepat pada masanya kepada maklumat pasaran, termasuk simpanan makanan untuk membantu meneghadkan turun naik harga makanan yang melampau</p> |
| Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti. | <p><b>Sasaran 4.7:</b> Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang</p>  |

|  |  |
|--|--|
|  | <p>diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan</p> <p><b>Sasaran 4.4:</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan</p>  |
| <p>Matlamat 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi</p> | <p><b>Sasaran 8.1:</b> Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun.</p> <p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.</p> <p><b>Sasaran 8.6:</b> Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.</p> |
| <p>Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur</p>         | <p><b>Sasaran 9.1:</b> Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses saksama dan mampu milik untuk semua.</p>  |

|   |   |
|---|---|
|   | <p><b>Sasaran 9.4:</b> Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan menaik taraf industri untuk menjadikannya mampan, dengan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing.</p>   |
| Matlamat 14: Kehidupan di Laut          | <p><b>Sasaran 14.2:</b> Menjelang 2020, menguruskan dan melindungi ekosistem laut dan pantai secara mampan untuk mengelakkan kesan buruk yang signifikan, termasuk dengan memperkukuh ketahanan ekosistem, dan bertindak untuk memulihkannya untuk memperoleh lautan yang sihat dan produktif</p> <p><b>Sasaran 14.b:</b> Menyediakan akses kepada sumber marin dan pasaran bagi nelayan tradisional berskala kecil</p>   |
| Matlamat 17: Perkongsian untuk maklumat | <p><b>Sasaran 17.3:</b> Menggerakkan sumber kewangan tambahan bagi negara membangun daripada pelbagai sumber.</p> <p><b>Sasaran 17.16:</b> Meningkatkan Perkongsian Global untuk Pembangunan Mampan yang dilengkapi oleh perkongsian pelbagai pihak berkepentingan yang menggerakkan dan berkongsi pengetahuan, kepakaran, teknologi dan sumber kewangan, untuk menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan di semua negara, khususnya negara membangun.</p> |

#### PENGUTAMAAN ISU 4:

#### ANCAMAN BANJIR DAN HIDUPAN LIAR DI KG. PENGKALAN BESAR

|   |  |
|---|--|
| <p><b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b></p> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isu banjir dan air termenung</li> <li>2. Masalah perparitan, longkang dan hakisan</li> <li>3. Gangguan dari hidupan liar <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isu kos rumah pam</li> <li>2. Tiada pusat pemindahan banjir</li> <li>3. Isu padang ragut</li> </ol> </li> </ol> |
|---|--|

|  |  |
|--|--|
|  | 4. Penyelenggaraan balairaya kurang memuaskan  |
| <b>Cadangan</b>  | 1. Melaksanakan pembersihan sungai<br>2. Perkongsian maklumat tentang kawalan banjir bersama penduduk tempatan   |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mangsa Banjir &amp; B40</li> <li>• Penduduk sekitar</li> </ul>  |
| <b>Kawasan</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg. Parit balas, Pengkalan besar, Parit idrus, kg paya kepong dan Parit Dahlan, Mukim Kundang,</li> <li>• Dun Tangkak, Ledang</li> </ul>  |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>                        |  |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                                    | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>   |
| Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik.           | <b>Sasaran 3.5:</b> Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan  |
| Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan.                        | <b>Sasaran 10.2:</b> Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain  |
| Matlamat 13: Perubahan Iklim, Dasar, Strategi & Pelan Negara | <b>Sasaran 13.b:</b> Menggalakkan mekanisme untuk meningkatkan keupayaan bagi perancangan dan pengurusan berkaitan perubahan iklim yang berkesan di negara kurang membangun dan negara pulau kecil membangun, termasuk tumpuan pada wanita, belia, masyarakat tempatan dan golongan terpinggir |
| Matlamat 15: Kehidupan Darat                                 | <b>Sasaran 15.2:</b> Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan mampan bagi semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang mengalami kemerosotan dan meningkatkan dengan ketara penghutanan dan penghutanan semula secara global                             |



|  |   |
|--|---|
|  | <p><b>Sasaran 15.3:</b> Menjelang 2030, mencegah penggurunan, memulihkan tanah-tanah yang mengalami kemerosotan, termasuk tanah yang terjejas oleh penggurunan, kemarau dan banjir, dan berusaha untuk mencapai dunia tanpa kemerosotan tanah</p>   |
| <p>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh.</p> | <p><b>Sasaran 16.a</b> Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah</p>  |
| <p>Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.</p>                 | <p><b>Sasaran 17.9:</b> Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama</p> <p><b>Sasaran 17.15:</b> Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan</p> |



# APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari**

-  A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor
-  [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)
-  <https://www.facebook.com/APPGMSDGMYP>
-  [https://appgm -sdg.com/](https://appgm-sdg.com/)